

# Tiada jalan pintas untuk berjaya dalam hidup: Tun Ahmadshah

NST 27.11.2011 3

KOTA KINABALU: Bekas Yang di-Pertua Negeri Sabah, Tun Ahmadshah Abdullah berkata, tiada jalan pintas bagi seseorang untuk berjaya dalam hidup khususnya dunia pekerjaan.

"Perjalanan tersebut penuh dengan suka duka dengan manifestasinya tersendiri. Kegagalan kita untuk memahami manifestasi itu akan menyebabkan kita mudah berputus asa.

"Susah atau senang dalam dunia pekerjaan harus diterima seadanya dengan sentiasa bersyukur ke hadirat illahi serta berusaha lebih kuat lagi bagi mengatasi kesusahan itu atau memajukan diri bagi mendapat kesenangan yang berterusan," katanya ketika menyampaikan ucapan balas pada Majlis Konvokesyen Universiti Malaysia Sabah (UMS), ke-13, di Dewan Canselor universiti itu, di sini, kelmarin.

Pada majlis itu beliau menerima anugerah Ijazah Kehormat Doktor Falsafah Sosiologi Organisasi yang disampaikan oleh Yang di-Pertua Negeri Sabah Tun Juhar Haji Mahiruddin.

Tun Ahmadshah berterima kasih kepada pihak UMS kerana diberikan penghormatan untuk menerima ijazah itu.

"Pendidikan adalah sebahagian dari pengalaman dan pengalaman adalah pendidikan yang kita perolehi secara berterusan.

"Perkongsian falsafah hidup ini dengan para graduan diharap dapat dijadikan landasan untuk kita terus berusaha mencapai apa yang dicita-citakan dan setiap amanah yang diberikan harus dilaksanakan sebaik mungkin," katanya.

Beliau berkata, sifat rendah diri dalam apa juga jawatan yang disandang perlu ada dalam diri seseorang.

Beliau berkata ini kerana sifat itu akan membolehkan seseorang sentiasa menerima nasihat atau kritikan penambahbaikan terhadap pekerjaan yang dilakukan.

"Memiliki sifat ini menjadikan kita sentiasa dihormati dan arahan dipatuhi oleh kakitangan bawahan dengan hati yang ikhlas.

"Perkara inilah yang membina sifat "keimpinan" pada seseorang walau apa jawatan yang disandang selagi dia mengetuai sekumpulan manusia, masyarakat dan keluarga," katanya.

Berkenaan dengan kejayaan UMS melahirkan graduan buat kali ke-13, Tun Ahmadshah berkata, keunggulan universiti itu sebagai institusi ilmu di Kepulauan Borneo semangnya tidak dapat dinafikan.

"Situasi ini meletakkan universiti ini sama tinggi sama rendah dengan universiti lain di negara ini. Malah ada



TUN Juhar (tiga dari kanan) menyampaikan Ijazah Kehormat Doktor Falsafah Sosiologi Organisasi kepada Tun Ahmadshah pada majlis itu. - GAMBAR JABATAN PENERANGAN

pencapaian dalam bidang penyelidikan oleh pensyarah, penyelidik atau siswa-siswinya yang lebih baik dari yang lain," katanya.

Turut hadir, Pro Canselor UMS Tan Sri Dato' Seri Dr. Yeoh Tiong Lay;

Pengerusi Lembaga Pengarah UMS, Tan Sri Abdul Hamid Egoh; Naib Canselor UMS, Datuk Seri Panglima Dr. Kamaruzaman Haji Ampon serta dekan-dekan dan para pegawai.

-OLEH MARRYAN RAZAN